

Usaha lahirkan petani moden


Pendekatan baru dan teknologi canggih revolusikan sektor pertanian

B.H 21/12/08 M/S 24

SEWAKTU menyampaikan ucapan utama pada Malam Media Pertanian 2008 anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Selasa lalu, saya banyak menyentuh tentang sukarnya menjadi petani di negara. Saya bermula dengan mengingatkan tentang sikap kita terhadap petani. Ibu bapa yang terdiri daripada petani sering mengingatkan anak-anak mereka agar jangan menjadi petani. Petani hidup susah. Dalam sastera popular juga imej petani tertera dalam kisah keluarga Joad dalam novel John Steinbeck, *The Grapes of Wrath* dan keluarga Lahuma dalam novel Shanon Ahmad, *Ran-jau Sepanjang Jalan*.

Tidak mudah melawan persepsi bahawa petani manusia malang, miskin dan ditindas. Maka itu tidak mudah mengajak generasi muda menjadi petani. Itu kekangan paling utama. Purata usia petani semakin tua dan bilangan petani sebenarnya semakin kurang jumlahnya.

Saya juga mencadangkan agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyemarakkan semula sektor itu. Tidak cukup dengan melihatnya daripada kanta baru dan menanamkan semangat baru, tetapi sektor ini memerlukan revolusi berfikir sesuai dengan tuntutan semasa. Memang pimpinan pada peringkat kementerian harus melihat di luar kotak dalam menangani isu ini. Apa yang diperlukan ialah lonjakan mega untuk memungkinkan sektor ini diperkasa. Ia juga



KITA harus lahirkan generasi baru petani yang memahami industri tani.

man dalam pengurusan ladang moden yang membabitkan bukan sahaja teknologi state-of-the art, tetapi juga pemahaman mengenai ekosistem dan kaedah pemasaran terkini. Lupakan sahaja petani tradisional dalam usaha mengubah kaedah pertanian moden tanah air. Mereka banyaknya menjadi 'arm-chair farmers' yang berpuas hati dengan hasil ladang yang dikerjakan oleh orang lain.

Kita harus melahirkan generasi baru petani yang bukan menjadi petani secara tidak sengaja (accidental farmers). Mereka harus diberikan pemahaman tentang cabaran dunia pertanian dan persaingan yang harus dihadapi. 'Herd mentality' tidak boleh galakkan - apabila seorang membela kambing, semua orang membela kambing sedangkan pasaran untuk kambing tidak ke mana. Petani kita nampaknya terseret dengan minat bermusim ini - sekejap bertanam cendawan, kemudian dragon fruit, kemudian menternak lintah atau ikan keli. Wang dibelanjakan dengan banyaknya, tetapi sokongan pemasaran tidak ada.

Sudah sampai masanya kementerian melihat aspek pemasaran ini secara serius. Mengisytiharkan pertanian sebagai perniagaan memang baik. Tetapi tanpa prasarana yang betul, hasil jualan barangan pertanian yang punya jangka hayat yang pendek dan persaingan hebat akan menjejaskan pendapatan petani. Kementerian harus menarik petani keluar dari 'mentality pasar tani' yang

Ibu bapa yang terdiri daripada petani sering mengingatkan anak-anak mereka agar jangan menjadi petani

Pimpinan Kementerian Pertanian

dan Industri Asas Tani harus melihat

di luar kotak dalam menangani isu pertanian masa kini

Siapakah yang sebenarnya petani? Apakah mereka yang mempunyai tanah empat hektar yang sejak memperoleh tanah itu tidak pernah menjenguknya?

Pergantungan pada subsidi dan bantuan menyebabkan petani kita tidak inovatif dan tekun

AS sahaja membelanjakan lebih RM76 bilion setahun bagi subsidi dagang petaninya

Lupakan sahaja petani tradisional

memerlukan gerak kerja baru.

Memang kita boleh menyalahkan kementerian berkenaan kerana terlalu banyak membuat kenyataan besar, tetapi kurang tindakan sokongan. Mungkin juga pentadbir pertanian tidak melihat sektor ini dari perspektif yang segar. Kita boleh menyalahkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang tidak sampai pada petani. Kita boleh juga menyalahkan sistem perbankan yang liat untuk membiayai projek-projek pertanian. Atau kita boleh menegur sikap rakyat kita yang lebih cenderung terbabit dalam sektor yang 'selamat' seperti tanaman kelapa sawit dan getah dan mengabaikan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Lebih mudah lagi jikalau menyalahkan sistem pemasaran yang tidak cekap.

Memang ada benarnya semua hal yang disebutkan di atas. Tetapi kita terlupa satu elemen penting dalam sektor ini – manusianya – petani. Mereka selalu terlepas daripada tanggungjawab untuk menjadikan sektor ini berkembang pesat dan maju. Kita menyalahkan kementerian, institusi di bawahnya, bank, sistem sokongan dan hampir apa sahaja yang ada kaitannya dengan pertanian. Kita lupa sikap petani kita sendiri selama ini.

Siapakah yang sebenarnya petani? Apakah mereka yang mempunyai tanah empat hektar yang sejak memperoleh tanah itu tidak pernah menjenguknya? Mereka mendapat hasil setiap bulan dari tanah yang dikerjakan oleh pekerja asing. Apakah petani merupakan mereka yang mempunyai sehektar tanah dan mengerjakannya secara sambilan? Apakah petani mereka yang bekerja ala kadar di kebun mereka untuk mendapatkan hasil tambahan bagi menampung pendapatan lain?

Kita lupa melihat sikap petani sebenarnya. Pergantungan pada subsidi dan bantuan menyebabkan mereka tidak inovatif dan tekun. Memang dunia pertanian begitu tinggi kadar subsidinya. Malah sebarang perbincangan mengenai sektor pertanian dalam Pertubu-

han Perdagangan Antarabangsa (WTO) akan menyentuh aspek subsidi ini. Petani di Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) menikmati subsidi yang luar biasa besarnya. Mereka menjadi kaya raya kerana itu. AS sahaja membelanjakan lebih RM76 bilion setahun bagi subsidi dagang petaninya.

Apakah yang boleh kita harapkan daripada petani yang bergantung hanya pada subsidi? Tidak banyak sebenarnya. Tidak seperti AS, kita tidak punya wang yang banyak untuk terus memberi subsidi yang besar. Lagipun bilangan petani di mana-manapun berkurang jumlahnya. Hari ini hanya ada dua peratus petani dari jumlah penduduk AS. Pada keseluruhannya ada 2.1 juta ladang di AS. Secara purata luasnya 178 hektar. Berapakah keluasan tanah milik pekebun kecil kita? Dua hektar.

Maka itu soal subsidi tidak menyelesaikan masalah kita. Begitu juga kaedah memberi bantuan lain seperti baja dan benih. Baja boleh dijual dan benih boleh ditukar dengan kualiti yang lebih rendah demi keuntungan jangka pendek. Usaha memodenkan tanah-tanah pertanian kita akan ke mana jikalau kita bergantung pada petani jenis ini.

Kita harus melihat pada generasi baru petani untuk membuat perubahan. Mereka mesti disokong dengan program pembangunan modal insan yang secukupnya. Mereka mestilah bersedia membuat perubahan daripada segi kaedah mengerjakan ladang-ladang mereka. Walaupun keluasan tanah mungkin terbatas, penghasilan boleh ditingkatkan melalui benih berkualiti tinggi dan sokongan R&D yang sebaiknya.

Mereka harus juga mempunyai pengala-

tidak memberi nilai tambah pada barangan pertanian. Memang pasar sedemikian mampu menjual produk pertanian. Tetapi nilai barangan tidak tinggi kerana tidak dimasukkan elemen tambahannya.

Ambil sahaja contoh klasik jualan keropok dalam plastik yang sekian lama menjadi cara tradisional mereka berjual. Bandingkan dengan keropok yang sama di dalam paket yang berjenama terkenal. Harganya berbeza sekali. Nilai tambah pada bahan pertanian inilah yang perlu digalakkan pada petani. Kaedah rebranding dan pemasaran agresif hanya boleh dilakukan sekiranya petani mempunyai sokongan pemasaran dan promosi yang betul.

Saya mencadangkan sejak sekian lama agar Universiti Putra Malaysia (UPM) kembali pada tugas asalnya sebagai universiti pertanian primer. Lupakan sahaja kursus dan disiplin lain yang boleh diambilalih oleh universiti yang lain di negara ini. Teknokrat, pentadbir pertanian dan petani moden hanya boleh lahir dari institusi khusus seperti sebuah universiti pertanian.

Saya juga mencadangkan model 'Belia Dusun Tua' yang ternyata berjaya melahirkan kader-kader belia yang punya ketahanan dan jati diri dicontohi dalam melahirkan generasi petani baru. Mereka merupakan petani tulen yang akan mencorakkan dunia pertanian masa depan. Mereka sebahagian dari usaha sistematis untuk melahirkan petani. Ia boleh dinamakan 'Program Bina Petani.'

Hanya orang seperti ini yang akan dapat merealisasikan impian kita melahirkan sektor pertanian yang baru. Selagi generasi muda tidak melihat peluang munasabah dari

dalam usaha mengubah kaedah pertanian moden tanah air

Petani kita nampaknya terseret dengan minat bermusim ini – sekejap bertanam cendawan, kemudian dragon fruit, kemudian menternak lintah atau ikan keli

Universiti Putra Malaysia (UPM) patut kembali pada tugas asalnya sebagai universiti pertanian primer

Model 'Belia Dusun Tua' patut dicontohi dalam melahirkan generasi petani baru

usaha pertanian, selagi itulah mereka tidak akan berminat menceburinya. Tanpa latihan secukupnya, sikap yang betul dan sokongan yang munasabah, kita tidak akan menambah bilangan generasi baru dalam sektor ini. Tinggallah dunia pertanian mundur, miskin, tidak menarik dan dilupakan.